



IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA
WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my



KENYATAAN MEDIA
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

**STATUS TERKINI WABAK JANGKITAN SELSEMA BURUNG
(H5N1) DI MALAYSIA**

Penyakit ***Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)*** yang disebabkan oleh **virus H5N1** atau lebih dikenali umum sebagai **Selsema Burung** merupakan penyakit zoonotik (berjangkit daripada haiwan kepada manusia) yang sangat berbahaya kerana mampu menyebabkan kematian kepada ternakan unggas dan manusia.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) amat prihatin dengan kejadian terbaru di China yang melibatkan manusia dan kes jangkitan HPAI (H5N1) pada ayam yang sebelumnya dilaporkan di Hong Kong pada minggu akhir Disember 2011.

Susulan kes kematian seorang lelaki di Shenzhen, Wilayah Guangdong, Republik Rakyat China akibat jangkitan HPAI (H5N1), pihak DVS telah berhubung dengan Pihak Berkuasa China iaitu AQSIQ (*Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine*) bagi mendapatkan penjelasan status terkini wabak penyakit tersebut sekiranya ia turut memberi implikasi terhadap pengimportan ayam dan produk ayam dari Negara China.

Sehingga November 2011, Kerajaan Malaysia telah mengimport produk ayam (*chicken powder dan pure chicken oil*) dari Wilayah Guangdong, China sejumlah 1.4 tan metrik manakala sebanyak 28,000 tan metrik daging ayam beku (*frozen*) dari Wilayah Shandong, China. Orang ramai tidak perlu bimbang dengan insiden kematian yang berlaku di Wilayah Guangdong, China kerana Malaysia tidak mengimport daging ayam beku dari Wilayah tersebut.

Buat masa ini, ayam dan produk ayam yang dibawa masuk ke Malaysia telah melalui prosedur pemeriksaan di loji atau rumah sembelih yang diiktiraf Kerajaan dengan penyelarasan DVS bagi semua permohonan mengimport produk.

Pihak Berkuasa Hong Kong telah menggantung pengimportan ayam hidup dan produk ayam termasuk telur dan daging ayam beku selama 21 hari bermula dari 1 Januari 2012 dari Tanah Besar China. Pihak *Hong Kong Centre for Food Safety* (CSF) telah memberitahu bahawa kawasan seluas 13km disekeliling kediaman pesakit yang disyaki terkena jangkitan H5N1 telah diwartakan sebagai zon kawalan import.

Para pelancong dan pengunjung dinasihatkan oleh Kerajaan China untuk mengelakkan daripada menyentuh atau memegang (*direct contact*) unggas. Pihak Berkuasa Kesihatan China turut memaklumkan bahawa *strain* selsema burung yang menyebabkan kematian kepada manusia bukannya jenis *strain* yang boleh merebak secara langsung antara manusia.

Pihak DVS telah memaklumkan kepada seluruh bahagian penguatkuasa Negeri supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi menghadapi wabak jangkitan HPAI (H5N1) ini. Sebagai langkah meningkatkan kesiapsiagaan negara, DVS turut mengadakan latihan simulasi menghadapi wabak HPAI (H5N1) dan yang terkini telah dijalankan pada 2011 di Negeri Johor.

DVS telah mengambil tindakan tidak membenarkan pengimportan semua unggas dan produknya daripada Hong Kong dan tempat lain yang berisiko. Semua pegawai di pintu masuk sempadan telah diletakkan dalam keadaan siapa siaga yang tinggi. Sementara itu Malaysia mengamalkan polisi penghapusan bagi unggas terjangkit dan berisiko dalam kawalan dan pembasmian penyakit HPAI (H5N1). Survelan, pemeriksaan dan pemantauan oleh pihak DVS melibatkan ladang ayam komersil, rumah sembelih, *wet market*, kedai burung dan juga ayam kampung serta burung liar di seluruh negara diperkuuhkan.

Sehingga kini, tiada virus HPAI (H5N1) dikesan berdasarkan 15,401 sampel yang telah diuji dan kesemuanya adalah negatif. **Tiada tanda-tanda jangkitan HPAI (H5N1) pada ternakan unggas dan Malaysia masih berstatus bebas *Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI)* sejak 2 September 2007.**

Semua daging ayam dan itik serta telur di pasaran samada daripada sumber tempatan atau yang diimport adalah selamat untuk dimakan. Namun begitu, DVS memohon kerjasama orang awam dan penternak untuk melaporkan kejadian kematian unggas yang luar biasa melebihi 3% sehari (ayam peliharaan) kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar terdekat atau talian 03-88702041 dan Faksimili 03-88886472 .

DATUK DR ABD AZIZ JAMALUDDIN

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

5 Januari 2012